

# **RUMAH PUTIH Gabungan HEPA TEMPAT KETIGA (kategori staf)**

## **Pertandingan PERBARISAN kontinjen Rumah Sukan**



Pasukan kontingen rumah putih juga tidak terlepas untuk menyertai acara perbarisan pada kejohanan olahraga pada kali ini. Dengan jumlah peserta seramai 40 orang termasuk pegawai dan atlet turut mengambil bahagian. Perbarisan ini turut di sertai oleh ketua kontingen rumah putih iaitu En Mustafa Al Bakri bin Abdullah. Tema perbarisan pasukan rumah putih adalah berkonsepkan Aquamarine. Pakaian kontingen rumah putih adalah berwarna biru kuning dan pakaian sukan. Kehadiran Maskot Si Penguin didalam perbarisan untuk rumah putih telah menyerikan lagi suasana perbarisan pada kali ini. Seramai 12 pasukan telah mengambil bahagian pada perbarisan kali ini yang mana tempat pertama di menangi oleh rumah Kuning, kedua Pink dan yang ketiga adalah rumah Putih. Hadiah bagi pertandingan perbarisan kontingen terbaik adalah berupa hamper makanan dan juga wang tunai RM 100.00 untuk tempat ketiga. Upacara penyampaian hadiah turut disampaikan oleh Canselor UniMAP, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan turut diiringi oleh Naib Canselor UniMAP Y.Bhg Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamaruddin Bin Hussin.